

Headline **Agama tidak menghalang**
 Date **14 Oct 2010**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **4**
 Article Size **793 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **15,673**
 PRValue **47,019**



Agama tidak menghalang

ANGKA penderma organ yang begitu kecil di negara ini mungkin boleh dikaitkan dengan faktor keagamaan (bagi orang Islam).

Namun menurut Pensyarah Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Datin Dr. Paizah Ismail, sepatutnya faktor agama tidak boleh dijadikan alasan kerana fatwa membenarkan pendermaan dan pemindahan organ telah dikeluarkan sejak tahun 1970 lagi.

"Dalam hal ini (menderma organ) bukanlah satu benda baru yang dibincangkan malah Majlis Fatwa Kebangsaan telah menetapkan garis panduan tertentu yang mengharuskan pendermaan dilakukan."

"Pada prinsipnya Islam sendiri tidak melarang pendermaan organ malah dari segi hukum pun kita rasa tidak ada yang beranggah."

"Dalam Islam sendiri ada menyatakan sekiranya apa-pa yang boleh memberi kebaikan kepada manusia dan yang boleh menjauhkan manusia daripada keburukan itu memang dibenarkan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Gombak, baru-baru ini.

Beliau tidak menafikan masyarakat hari ini melihat menderma organ ini satu perkara yang tidak bagus dan tidak wajar malah ada yang mengatakan ia akan menyeka mayat.

Dan melihat akan perkara tersebut, menurut Dr. Paizah, ini tidak seharusnya timbul dan untuk itu kesedaran harus diberikan kepada masyarakat hari ini mengenai betapa pentingnya menderma organ.

Untuk itu semua pihak harus berganding bahu menganjurkan pelbagai aktiviti mahupun kempen menderma organ dengan lebih kerap agar masyarakat mengetahui dengan lebih lanjut kebaikan menderma darah.

Pada masa yang sama, kerjasama antara pihak-pihak seperti JAKIM serta badan bukan pertubuhan (NGO) Islam turut dialu-alukan dalam usaha memberi kesedaran serta fahaman yang lebih mendalam mengenai menderma organ.

Fatwa

Sejurus awal mengharuskan pendermaan organ dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Perlis pada 6 November 1965 iaitu menerusi pendermaan kornea.

Majlis Fatwa Kebangsaan sejak 23 Jun 1970 menetapkan garis panduan tertentu yang mengharuskan pendermaan dilakukan iaitu:

- Pemindahan organ boleh dilakukan selepas tiada pilihan atau



DR. PAIZAH ISMAIL

jalan akhir untuk menyelamatkan seseorang yang organnya tidak berfungsi.

- Penderma atau pengikrar organ sudah disahkan meninggal dunia.
- Kebenaran diperoleh daripada ahli keluarga si mati.
- Tidak ada unsur perdagangan atau jual beli bagi organ itu.

Keputusan Lujnah Fatwa

1. Pemindahan atau pendermaan organ adalah haram dalam keadaan bukan darurat, manakala hukumnya harus dalam keadaan darurat.

2. Orang yang mati otak adalah dihukumkan mati.

Bagaimanapun sebelum dibenarkan untuk melakukan pemindahan atau pendermaan atau melakukan ke atas orang yang mati otak, ada beberapa syarat yang perlu dipatuhi untuk memelihara kesucian Islam iaitu

D Pemindahan organ ada dua keadaan iaitu:

a) Keadaan penderma masih hidup
● Menjalankan kajian perubatan dengan cara terperinci dan profesional tentang kebaikan dan keburukan pemindahan ini, kejayaan dan kegagalan pemindahan.

● Dengan reda penderma, tanpa paksaan.

● Sudah dipastikan pemindahan itu berjaya pada kebiasaannya.

● Keadaan darurat yang mendesak bagi menyelamatkan nyawa orang yang didermakan kepadanya, terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.

● Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli, dagangan dan jual beli hanya akan mengundang perbuatan khianat yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab mengaut keuntungan.

● Kebenaran bertulis daripada penderma dan penderma dibolehkan menarik balik pada bila-bila masa.

b) Keadaan penderma yang telah mati

- Penderma atau pengikrar organ sudah disahkan meninggal dunia.
- Menjalankan pemeriksaan perubatan dengan cara terperinci dan profesional tentang kebaikan dan keburukan pemindahan ini, kejayaan dan kegagalan pemindahan, ia memerlukan pemeriksaan rapi.
- Dengan reda penderma, melalui wasiat ataupun waris-waris dan perakuan daripada kerajaan.
- Sudah dipastikan pemindahan itu berjaya pada kebiasaannya atau dalamerti kata lain, pemindahan itu dijamin berjaya.

● Dilakukan pemindahan itu dengan penuh disiplin ilmu, iman dan taqwa, penghormatan yang sewajarnya kepada si mati mengikut hukum syarak serta tiada unsur-unsur penghinaan.

● Keadaan darurat yang mendesak bagi menyelamatkan nyawa orang yang didermakan kepadanya, terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.

● Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli, hanya akan mengundang perbuatan jenayah yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab mengaut keuntungan.

ID Mati otak

● Menjalankan pemeriksaan perubatan dengan cara profesional tentang berlakunya mati otak.

● Digalakkan mendapat persetujuan dari keluarga terdekat dari suami, anak, ibu dan bapa.

● Perakuan tentang berlakunya mati otak hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya tiga doktor profesional (doktor Islam) diutamakan.

● Sekiranya dengan kecanggihan rawatan perubatan (sains dan teknologi) boleh mengubat, maka suasana ini gugur.



PUSAT Sumber Transplan menyediakan kad ikrar derma organ kepada mereka yang mendaftar untuk menderma organ. - Gambar hiasan

Info

Apakah itu pendermaan organ?

Menderma anggota penting dalam tubuh badan seseorang untuk tujuan pemindahan kepada orang lain selepas meninggal dunia.

Pemindahan organ membabitkan satu pembelahan pertukaran organ atau tisu daripada penderma yang telah meninggal dunia kepada penerima yang memerlukan.

Bilakah organ dan tisu si penderma diperoleh?

Proses perolehan organ dan tisu daripada tubuh penderma hanya dilakukan apabila kematiannya telah disahkan oleh dua orang doktor yang bertauliah.

Doktor-doktor yang terlibat dengan pengesahan kematian seseorang penderma itu adalah bebas dan tiada kaitan dengan pemindahan organ dan tisu.

Apakah organ dan tisu yang boleh didermakan?

- Jantung
- Paru-paru
- Hati
- Buah pinggang
- Pankreas
- Injap jantung
- Tulang
- Kulit
- Kornea

Bagaimana proses pemindahan organ dilakukan?

Proses pemindahan organ dan tisu melibatkan pembelahan yang bersifat dan dilancarkan di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman.

Perolehan organ dan tisu itu tidak akan menjelaskan rupa dan bentuk tubuh badan penderma.

Selaras organ dan tisu diperoleh, luka pembelahan akan dijahit dengan sempurna dan jenazah penderma tidak mengalami apa-apa kecacatan fizikal.

Proses pembelahan dilakukan dengan penuh hormat dan tertib sebagaimana pembelahan biasa.

Bagaimana untuk menjadi seorang penderma organ?

Anda perlu mengisi Borang Pendaftaran Pengikrar Penderma Organ dan Kad Pengikrar Penderma Organ.

Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar kepada Pusat Sumber Transplan Nasional sementara Kad Pengikrar hendaklah disimpan dan dibawa bersama pada setiap masa.

PERINGATAN!

Anda dinasihatkan supaya memaklumkan kepada keluarga anda mengenai hasrat menjadi seorang penderma organ dan tisu.

■ Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.